

UPM Menang Tempat Ketiga PECIPTA 2009



Dari kiri, Encik Wira Hidayat Mohd Saad, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli, Prof. Madya Dr. Foo Hooi Ling, Prof. Madya Dr. Loh Teck Chwen dan Prof. Dr. Abu Bakar Salleh.

KUALA LUMPUR, 9 Okt – Penyelidik UPM berjaya meraih tempat ketiga keseluruhan dengan memenangi 17 pingat, iaitu 3 pingat emas, 6 pingat perak dan 7 pingat gangsa pada pameran Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2009 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) baru-baru ini.

Bagi kategori A (Rekacipta untuk Pertandingan, yang TIDAK pernah memenangi sebarang pingat pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa), emas tunggal telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Loh Teck Chwen dari Fakulti Pertanian dengan produk *Novel Broiler Feed Additive Derived from Metabolites of Lactobacillus sp Isolated from Malaysian Foods*, iaitu produk semulajadi yang dihasilkan daripada mikrob yang dipencarkan daripada makanan tempatan.

Katanya, produk ini boleh digunakan sebagai bahan aditif di dalam makanan haiwan ternakan seperti ayam untuk menggantikan antibiotik sebagai penggalak tumbesaran.

“Secara tambahan, produk ini juga dapat mempertingkatkan lagi tumbesaran ayam sebanyak 2-3% dan juga kadar pertukaran makanan ayam yang lebih berkesan, iaitu 4-5%. Produk ini lebih baik daripada antibiotik dan probiotik disebabkan produk ini tidak akan meninggalkan sisa sampingan di dalam daging seperti yang berlaku pada antibiotik yang boleh memudaratkan kesihatan manusia,” katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

2 lagi emas dimenangi oleh Prof. Madya. Dr. Lai Oi Ming dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul dengan produk *Novel Process for Production of Palm-Based Diacylglycerols* dan Dr. M.Iqbal Saripan dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk *Early Cancer Detection using Wire Mesh Collimator Gamma Camera*.

Kedua-dua produk ini dipertandingkan dalam kategori B (Rekacipta untuk Pertandingan, yang telah memenangi pingat pada peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa dalam tahun 2008 dan 2009).


Sementara itu, 6 pingat perak telah berjaya dimenangi oleh Prof. Dr. Mahiran Basri, Prof. Dr. Kaida Khalid (Fakulti Sains), Prof. Dr. Mohd Ali Hassan (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul), Prof. Madya Dr. Amin Ismail, Prof. Madya Chong Pei Pei (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan), serta Prof. Dr. Hashim Musa (Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi).

7 pingat perak pula dimenangi oleh Dr. Osumanu Haruna Ahmed (Fakulti Sains Pertanian dan Makanan UPMKB), Prof. Dr. Mohd Ali Hassan (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul), Dr. Yus Aniza Yusof, Prof. Madya Dr. Sabira Khatun (Fakulti Kejuruteraan), Prof. Dr. Maznah Ismail (Institut Biosains), Prof. Madya Dr. Abdul Azis Ariffin (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan) dan Dr. Ho Jo Ann (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan). Kesemua penyelidikan bagi pingat perak dan gangsa dipertandingkan dalam kategori A.

Sebanyak 500 penyelidikan telah dipamerkan melibatkan 28 buah IPTA, IPTS dan sektor korporat bagi PECIPTA tahun ini.

UPM telah menghantar 33 penyertaan yg dibahagikan kepada 17 penyertaan (kategori A), 8 penyertaan (kategori B), 3 penyertaan (kategori C- Rekacipta untuk pameran sahaja) dan 5 penyertaan (Kategori D- Produk Komersil).

PECIPTA merupakan pameran setiap dua tahun yg dianjurkan secara bergilir oleh IPTA Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.



Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin mendengar penjelasan produk daripada Prof. Madya Dr. Amin Ismail.

Berita ini ditulis oleh Nasreena Hailani dan disunting oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.